

Analisis Nilai Budaya dalam Cerpen *Air Mata Dalang* Berdasarkan Teori Budaya

Analysis of Cultural Values in the Short Story Air Mata Dalang Based on Cultural Theory

Roshamfitri Samsuri
roshamfitri2@gmail.com

Nordiana Hamzah*
diana.azmi@fbk.upsi.edu.my

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: diana@fbk.upsi.edu.my

Published: 17 Disember 2024

To cite this article (APA): Samsuri, R., & Hamzah, N. (2024). Analisis Nilai Budaya dalam Cerpen *Air Mata Dalang* Berdasarkan Teori Budaya. *PENDETA*, 15(2), 119–129. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.9.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.2.9.2024>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti nilai budaya yang terkandung dalam cerpen-cerpen tersebut dengan merujuk kepada unsur-unsur kebudayaan yang diperkenalkan oleh C. Kluckhohn (1962), termasuk bahasa, kepercayaan, ilmu pengetahuan, sistem teknologi, sistem kemasyarakatan, sistem ekonomi, dan kesenian. Kajian ini juga bertujuan menganalisis cara unsur-unsur kebudayaan tersebut diintegrasikan dalam naratif cerpen *Air Mata Dalang* dan menggambarkan nilai budaya tempatan yang mendalam. Metodologi kajian melibatkan analisis teks cerpen-cerpen yang termasuk dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Penelitian memberi tumpuan kepada representasi unsur kebudayaan dalam naratif, seperti bahasa, kepercayaan, dan kesenian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cerpen *Air Mata Dalang* bukan sahaja memperlihatkan unsur-unsur budaya yang pelbagai tetapi juga berfungsi sebagai medium penting dalam pemeliharaan dan penyampaian nilai-nilai budaya Melayu. Implikasi kajian ini adalah dapat memperkaya pemahaman tentang budaya Melayu dan memperkukuhkan pengajaran kesusasteraan Melayu di sekolah, menjadikannya lebih relevan sebagai alat pendidikan dan pemeliharaan warisan budaya.

Kata Kunci: nilai budaya; cerpen Melayu; teori budaya; pemeliharaan warisan budaya; Kesusasteraan Melayu

ABSTRACT

This study is to identify the cultural values contained in the selected short stories by referring to the cultural elements introduced by C. Kluckhohn (1962), including language, beliefs, knowledge, technological systems, social systems, economic systems, and arts. The study also aims to analyze how these cultural elements are integrated into the narratives of the short stories *Air Mata Dalang* and to depict the profound local cultural values. The methodology involves textual analysis of the short stories included in the Standard Curriculum and Assessment Document for Communicative Malay Literature. The research focuses on the representation of cultural elements in the narratives, such as language, beliefs, and arts. The findings reveal that the short story *Air Mata Dalang* not only illustrates diverse cultural elements but also serves as a significant medium for the preservation and transmission of Malay cultural values. This study has the potential to enrich the understanding of Malay culture and strengthen the teaching of Malay literature in schools, making it more relevant as an educational tool and a means for preserving cultural heritage.

Keywords: cultural values; Malay short stories; cultural theory; cultural heritage preservation; Malay Literature

PENGENALAN

Kesusasteraan ialah seni untuk masyarakat kerana penceritaan yang dipaparkan dalam kesusasteraan merupakan imej kepada kehidupan dalam Masyarakat yang mempunyai nilai dan budaya. Dalam bidang kesusasteraan Melayu, genre cerpen merupakan penghasilan ekspresi penulisan yang mempunyai kekayaan penceritaan yang menggambarkan nilai dan budaya dalam Masyarakat Melayu. Genre cerpen ialah alat hiburan, unsur didaktik, nilai budaya dan sosial dan mempunyai pelbagai elemen yang terkandung dalamnya. Nilai budaya merupakan aspek penting yang diintegrasikan dalam cerpen Melayu. Melalui perwatakan, plot dan latar, penulis cerpen mampu menyampaikan nilai-nilai seperti kerjasama, patuh kepada tradisi, sikap hormat kepada sesama manusia serta kehidupan yang berteraskan agama dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Abdullah (2015), sastera Melayu menjadikan unsur budaya sebagai elemen utama dalam membentuk naratif penceritaan.

Terdapat beberapa kajian literatur yang menganalisis nilai budaya dalam karya kesusasteraan Melayu. Antaranya, kajian oleh Ismail (2018) menyatakan bahawa cerpen-cerpen karya penulis Melayu sering kali mencerminkan perubahan sosial dan budaya masyarakat Melayu yang berhadapan dengan kemodenan dan perubahan zaman. Kajian oleh Razak (2020) juga menekankan bahawa elemen budaya dalam cerpen Melayu sebagai titik sosial terhadap perubahan nilai-nilai tradisional yang terjadi dalam masyarakat kontemporari. Namun, terdapat kelainan dalam artikel Amat et al. (2024), iaitu menekankan nilai budaya Bugis dalam kalangan guru Bugis yang memainkan peranan penting dalam pembentukan nilai murni dalam kalangan pelajar. Variasi kajian ini memberikan nilai tambah dalam kajian budaya. Oleh itu, artikel ini, analisis akan tertumpu kepada nilai-nilai budaya yang terdapat dalam cerpen *Air Mata Dalang* dengan menggunakan teori budaya. Hal ini penting untuk menunjukkan cara-cara kesusasteraan Melayu berperanan sebagai medium yang mengetengahkan nilai budaya dalam zaman globalisasi. Oleh itu, diharapkan penemuan dalam kajian ini akan memelihara nilai-nilai budaya Melayu kepada generasi akan datang.

OBJEKTIF

Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti nilai budaya yang terkandung dalam cerpen-cerpen tersebut dengan merujuk kepada unsur-unsur kebudayaan yang diperkenalkan oleh C. Kluckhohn (1962) termasuk bahasa, kepercayaan, ilmu pengetahuan, sistem teknologi, sistem kemasyarakatan, sistem ekonomi, dan kesenian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian analisis teks untuk mengkaji nilai-nilai budaya dalam cerpen-cerpen kesusasteraan Melayu. Pendekatan ini dipilih kerana sesuai untuk menganalisis kandungan naratif dan elemen budaya yang diwakili dalam karya sastera. Proses kajian dimulakan dengan pemilihan data kajian, iaitu cerpen-cerpen Melayu yang dianggap signifikan dalam menggambarkan nilai budaya Melayu seperti cerpen *Air Mata Dalang*. Cerpen yang dikaji ini dipilih berdasarkan kriteria seperti latar budaya, tema kebudayaan, dan representasi tradisi Melayu yang kuat. Karya-karya ini kemudian dianalisis dengan menekankan pada aspek-aspek budaya berdasarkan Teori Budaya C. Kluckhohn (1962).

Kajian ini juga menggunakan teknik analisis tematik. Teknik ini berguna untuk mengidentifikasi tema-tema utama yang berkaitan dengan nilai-nilai budaya dalam teks. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik melibatkan proses pengenalan, pengekodan, dan interpretasi tema utama dalam teks, yang seterusnya dapat membantu dalam memahami cara-cara penulis mengartikulasikan nilai-nilai budaya. Sebagai contoh, nilai gotong-royong, kepatuhan terhadap tradisi, dan hormat kepada orang tua akan dianalisis berdasarkan cara nilai-nilai tersebut digambarkan dan berperanan dalam plot cerita.

Sebagai pelengkap kepada analisis teks, kajian literatur digunakan untuk mengontekstualisasikan hasil analisis dalam kerangka teori yang telah dipilih. Kajian terdahulu oleh Abdullah (2015) menyebutkan bahwa unsur budaya memainkan peranan penting dalam membentuk identiti dan ikatan emosional antara pembaca dengan karya sastra Melayu. Sementara itu, Ismail (2018) mengungkapkan bahwa karya-karya penulis Melayu sering kali mencerminkan pergeseran antara nilai-nilai tradisional dan moden, khususnya dalam konteks globalisasi. Seterusnya, kajian Langan dan Sarudin (2023) membincangkan analisis kognitif etnik Iban berdasarkan Teori Genus dan Spesies. Walaupun kajian etnik ini mirip kepada kajian budaya, namun kajian literatur menunjukkan penekanan terhadap kognitif etnik. Oleh itu kepelbagaian dalam kajian literatur yang bertemakan budaya dapat memberikan tafsiran dari perspektif berbeza-beza. Dengan menggabungkan pendekatan analisis tematik, kajian literatur dan teori budaya, metodologi ini diharapkan dapat memberikan analisis yang komprehensif tentang bagaimana cerpen-cerpen Melayu menggambarkan dan mentransmisikan nilai-nilai budaya kepada pembacanya.

KERANGKA TEORI

Kerangka teori yang digunakan dalam Jadual 1 merujuk kepada nilai budaya yang terdapat dalam cerpen-cerpen Kesusasteraan Melayu Komunikatif untuk pelajar Tingkatan Empat dan Lima. Kerangka ini menggunakan unsur-unsur kebudayaan menurut C. Kluckhohn (1962), yang merangkumi tujuh kategori utama budaya yang terdapat dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan kerangka Teori Kluckhohn (1962) untuk menganalisis unsur-unsur budaya yang terlibat dalam karya tersebut. Kerangka teori ini membantu menganalisis cerpen berdasarkan unsur budaya seperti bahasa, kepercayaan, ilmu, teknologi, kemasyarakatan, ekonomi dan kesenian, yang mencerminkan norma dan nilai yang wujud dalam masyarakat Melayu.

Budaya memainkan peranan penting dalam menggambarkan kehidupan masyarakat dalam karya sastra. Dalam cerpen-cerpen Kesusasteraan Melayu Komunikatif, nilai-nilai budaya dapat dilihat melalui pelbagai unsur, seperti bahasa, kepercayaan, ilmu pengetahuan, teknologi, sistem kemasyarakatan, sistem ekonomi dan kesenian. Setiap unsur ini membantu menggambarkan latar sosial dan budaya watak-watak serta mencerminkan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu. Bahasa ialah unsur utama yang digunakan dalam cerpen untuk menyampaikan mesej, dialog dan narasi. Bahasa lisan merujuk kepada komunikasi yang berlaku dalam bentuk dialog antara watak. Contohnya, percakapan antara watak dalam cerpen menunjukkan interaksi sosial, emosi dan hubungan antara mereka. Bahasa bertulis pula merujuk kepada bentuk naratif atau penceritaan yang digunakan oleh penulis untuk menggerakkan plot dan memperincikan latar belakang cerita. Dalam konteks cerpen, penggunaan bahasa yang kaya dengan ungkapan dan simbolisme juga mencerminkan budaya dan cara pemikiran masyarakat Melayu.

Selain bahasa, kepercayaan juga merupakan unsur penting dalam membentuk identiti watak dan jalan cerita. Kepercayaan yang dianuti oleh watak-watak, seperti agama Islam atau kepercayaan tradisional sering mempengaruhi tindakan dan keputusan mereka. Sebagai contoh, nilai keagamaan seperti kepatuhan kepada Tuhan, hormat kepada orang tua dan tanggungjawab sosial sering kali menjadi tema utama dalam cerpen Melayu. Selain itu, kepercayaan tradisional, seperti pantang larang dan adat resam turut menjadi panduan kepada tingkah laku watak mencerminkan peranan kepercayaan dalam kehidupan mereka.

Seterusnya, ilmu pengetahuan memainkan peranan dalam memberi pemahaman kepada watak dan pembaca tentang dunia mereka. Sistem pengetahuan ini boleh merangkumi pengetahuan tradisional yang diwarisi daripada generasi kepada satu generasi, serta pengetahuan moden seperti sains dan teknologi. Dalam cerpen-cerpen Melayu, watak-watak sering kali menggunakan kebijaksanaan atau hikmah yang diperoleh melalui pengalaman hidup untuk mengatasi cabaran. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menghargai ilmu pengetahuan sebagai alat untuk menghadapi kehidupan. Sistem teknologi pula merujuk kepada peralatan dan kelengkapan yang digunakan dalam kehidupan


seharian watak-watak. Ini termasuk pakaian, perumahan dan pengangkutan yang mencerminkan tahap perkembangan teknologi dalam masyarakat tersebut. Dalam cerpen-cerpen tradisional, teknologi mungkin terhad kepada alatan pertanian atau peralatan harian yang sederhana. Namun, dalam cerpen yang lebih moden, teknologi mungkin melibatkan penggunaan peralatan canggih atau sistem komunikasi yang lebih maju. Perkembangan ini mencerminkan perubahan sosial dan ekonomi yang berlaku dalam masyarakat Melayu.

Selain itu, sistem kemasyarakatan juga sangat penting dalam memahami hierarki dan struktur kuasa dalam cerpen. Sistem beraja, misalnya, menunjukkan kewujudan institusi pemerintahan yang memainkan peranan dalam mengatur kehidupan masyarakat. Organisasi politik dan sistem undang-undang dalam cerita mencerminkan bagaimana watak-watak berinteraksi dalam konteks peraturan dan undang-undang yang wujud. Keadaan ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu, peranan kuasa dan autoriti ialah elemen penting dalam memastikan keharmonian sosial. Sistem ekonomi juga tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan watak-watak dalam cerpen. Dalam masyarakat tradisional Melayu, ekonomi sering kali berkisar tentang pertanian, penghasilan makanan dan pengeluaran barangan keperluan harian. Watak-watak mungkin terlibat dalam aktiviti pertanian, perdagangan, atau pekerjaan lain yang menyara kehidupan mereka. Melalui unsur ini, cerpen dapat menggambarkan keadaan ekonomi masyarakat dan bagaimana watak-watak berusaha untuk memperbaiki taraf hidup mereka.

Akhir sekali, kesenian memainkan peranan penting dalam memperkaya cerpen melalui seni rupa, seni suara dan seni tari. Seni rupa, seperti lukisan atau ukiran, mungkin digunakan untuk menggambarkan latar visual atau simbolisme dalam cerita. Sementara itu, seni suara dan seni tari mungkin menggambarkan budaya hiburan atau upacara tradisional yang diamalkan oleh watak-watak. Dalam konteks ini, kesenian dalam cerpen bukan sahaja berfungsi sebagai elemen hiburan, tetapi juga sebagai cerminan identiti budaya masyarakat Melayu.

Secara keseluruhannya, cerpen-cerpen kesusasteraan Melayu komunikatif mengandungi pelbagai unsur budaya yang membentuk naratif dan tema cerita. Melalui bahasa, kepercayaan, ilmu pengetahuan, teknologi, sistem kemasyarakatan, ekonomi, dan kesenian, pembaca dapat memahami dengan lebih mendalam latar sosial dan budaya masyarakat Melayu serta nilai-nilai yang dipegang oleh mereka. Melalui cerpen, nilai dan norma yang wujud dalam masyarakat Melayu juga dapat dicerminkan.

Jadual 1: Kategori utama nilai budaya dalam cerpen



ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis, dapatan kajian dibincangkan dalam aspek yang berikut;

Penerokaan Legasi Pak Yasok dalam Kesenian

Dalam cerpen *Air Mata Dalang* terlihat kewibawaan Pak Yasok dalam meneruskan legasinya dalam bidang kesenian. Berikut merupakan petikan yang menggambarkan perkara tersebut:

“Pak Yasok itu Tok Dalang terkenal. Anak anak muda turut menyemarakkan tradisi ini selepas solat Isyaq. Malah orang luar turut menempah patung ukiran Pak Yasok. Juga pengkaji muda yang ingin mewarisi ilmu dalang Pak Yasok.”

(Antologi Kubentang Sehelai Peta, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Petikan di atas menggambarkan Pak Yasok, seorang dalang terkenal dan usahanya untuk mengekalkan tradisi seninya. Hal ini selaras dengan konsep warisan budaya, yang ditakrifkan oleh Cluckohn (1962) sebagai kumulatif pengetahuan, pengalaman, kepercayaan, nilai, sikap, makna, hierarki, agama, tanggapan masa, peranan, hubungan ruang, konsep alam semesta, serta objek material dan harta benda yang diperoleh oleh sekumpulan orang dalam transisi generasi melalui usaha individu dan kumpulan (Huang & Anderson, 2019). Petikan ini menonjolkan cara-cara generasi muda giat menggalakkan tradisi ini, menunjukkan keinginan untuk mewarisi penguasaan Pak Yasok dan memastikan kesinambungan warisan budaya ini (Cohen, 2016; Huang & Anderson, 2019). Petikan ini turut menyentuh pengiktirafan dan penghargaan terhadap karya Pak Yasok oleh orang luar yang menempah patung-patung berukir dalang. Hal ini menunjukkan minat dan nilai yang lebih luas dalam memelihara seni dan kraf tradisional, yang disokong oleh penyelidikan tentang kepentingan mewujudkan "eko-sistem" yang sihat untuk ekspresi budaya ini berkembang maju dalam masyarakat (Huang & Anderson, 2019). Tambahan pula, dinyatakan dalam petikan tentang pengkaji muda yang berminat untuk mewarisi penguasaan Pak Yasok, selaras dengan konsep artis dan pengamal "pasca-tradisional" yang berusaha untuk mentafsir

semula dan menghidupkan kembali bentuk tradisional untuk menangani ketimpangan tempatan dan global (Cohen, 2016).

Secara keseluruhannya, petikan ini menekankan kepentingan memelihara dan menyebarkan tradisi budaya secara aktif, seperti dalang Pak Yasok untuk memastikan kerelevanan dan daya hidup yang berterusan dalam masyarakat dan seterusnya.

Sistem Pengetahuan dan Kepercayaan dalam Tradisi Kekeluargaan

Petikan seterusnya menggambarkan betapa mendalamnya hubungan antara sistem pengetahuan dengan kepercayaan dalam tradisi kekeluargaan khususnya dalam membentuk identiti budaya sejak usia muda. Wayang kulit bukan sekadar sebuah hiburan, tetapi turut menjadi medium yang menanamkan nilai, tradisi dan warisan budaya dalam jiwa generasi muda. Melalui simbolisme darah merah yang dikaitkan dengan wayang kulit, petikan ini menekankan bahawa seni tradisional tersebut tidak hanya sebahagian daripada kehidupan, tetapi telah menyatu dalam jiwa dan identiti masyarakat. Hal ini dapat dibaca berdasarkan petikan berikut:

“Kanak-kanak dibesarkan dengan Wayang kulit. Darah merah kanak-kanak adalah hasil wayang kulit.”

(Antologi Kubentang Sehelai Peta, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Melalui kaca mata Teori Budaya yang dicadangkan oleh C. Kluckhohn, petikan yang menerangkan peranan Wayang Kulit dalam pendidikan kanak-kanak menonjolkan pengaruh mendalam tradisi budaya pengetahuan dan kepercayaan terhadap perkembangan individu dan masyarakat. Wayang Kulit yang merupakan satu bentuk seni yang sangat tertanam dalam budaya Jawa, berfungsi sebagai medium penyampaian nilai budaya, pengetahuan, kepercayaan dan amalan (Arifin, 2017; Sulanjari et al., 2022). Petikan mencadangkan bahawa "darah merah kanak-kanak" ialah hasil pendedahan mereka kepada Wayang Kulit, membayangkan hubungan yang mendalam antara amalan budaya ini dan pembentukan identiti serta pandangan dunia anak-anak Pak Yasok. Persembahan Wayang Kulit dipenuhi dengan nilai moral yang penting, seperti cinta kekeluargaan, kesetiaan kepada negara, dan tanggungjawab alam sekitar, yang dijalin dengan lancar ke dalam naratif dan persembahan.

Sebagai artifak budaya, Wayang Kulit mencerminkan "fakta, nilai, objektif, moral, dan harapan" masyarakat Jawa. Melalui penggambaran watak-watak utama dan penyusunan plot yang rumit untuk penonton, termasuk kanak-kanak, terdedah kepada ilmu yang kaya dengan pengetahuan serta kepercayaan ajaran rohani dan sosial. Penyampaian nilai-nilai pengetahuan dan kepercayaan budaya ini melalui Wayang Kulit dilakukan dengan cara yang halus dan menarik, membolehkan penonton menghayati pelajaran tanpa merasa "dilindungi" secara terang-terangan. Proses pembudayaan ini, yang menyebabkan anak-anak Pak Yasok tenggelam dalam tradisi budaya masyarakat mereka, merupakan aspek utama Teori Budaya Kluckhohn, yang menekankan peranan budaya dalam membentuk individu (Sulanjari et al., 2022; Arifin, 2017).

Dinamik Identiti Sistem Komuniti dalam Budaya

Seterusnya, petikan yang menggambarkan sistem komuniti dalam budaya. Hal ini dapat dibaca menerusi petikan di bawah:

“Sauki pun tak patut membiarkan isterinya yang menasihati aku,” bisik Pak Yasok. Patutnya Sauki sendiri yang cakapkan. Tapi Pak Yasok tahu, Sauki tidak tergamak nak ucapkan itu kepada dirinya. Sauki, Sulida dan Naemah semuanya masuk sekolah sehingga ke universiti dengan hasil Wayang Kulit. Hasil duit ringgit yang Pak Yasok jadi tok dalang dari satu kampung ke kampung yang lain, Sauki patut memberitahu kepada isterinya yang dalam darahnya itu mengalir warna merah daripada hasil Wayang Kulit.”

(Antologi Kubentang Sehelai Peta, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Petikan di atas mempunyai makna dalam sistem komuniti yang dinamik identiti budaya, seperti yang diterangkan dalam kerangka Teori Budaya C. Kluckhohn (Davies, 2022; Kroeber & Kluckhohn, n.d). Interaksi dan ketegangan antara watak – Pak Yasok, Sauki, Sulida, dan Naemah – mendedahkan interaksi kompleks antara individu, jangkakan masyarakat dengan sistem komuniti.

Petikan itu menonjolkan sistem komuniti masyarakat dalam membentuk identiti dan tingkah laku individu. Rasa ragu-ragu Sauki untuk berhadapan langsung dengan Pak Yasok menunjukkan pengaruh kuat norma masyarakat dan keperluan untuk mengawal perubahan interpersonal dengan berhati-hati. Hakikat bahawa Sauki, Sulida dan Naemah semua mempunyai hubungan dengan Wayang Kulit menekankan peranan aktiviti sosiobudaya yang dikongsi dalam memupuk semangat bermasyarakat (Rogoff et al., 1995).

Keberanian dan Kemahiran Pengetahuan dalam Membaiki Seseorang

Petikan seterusnya menggambarkan dilema dan konflik dalaman yang dialami oleh Pak Yasok akibat kata-kata menantunya yang mencela pekerjaannya. Keberanian Pak Yasok untuk terus bertahan dan keyakinannya terhadap kemahiran yang dimilikinya menjadi simbol kekuatan peribadi dalam menghadapi tekanan sosial dan pandangan negatif. Hal ini dapat dirujuk berdasarkan petikan :

“Hujan reda, Ingatan Pak Yasok kepada kata-kata menantunya yang ustazah. Berhentilah buat kerja sia- sia; patung akan minta nyawa di akhirat; kerja ni berdosa; dan ayah dah tua; patut dah bertaubat dan berhenti kerja ini (Dilema ayah). Hati Pak Yasok terhiiris dan terhina. Tok Siak, Pak Lebai dan Imam Mesjid tak pernah hina seperti menantunya.”

(Antologi Kubentang Sehelai Peta, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Situasi yang digambarkan dalam petikan ini memperlihatkan konflik emosi dan moral yang dialami oleh Pak Yasok apabila berhadapan dengan teguran menantunya yang merupakan seorang ustazah. Teguran menantunya mengenai kerja Pak Yasok yang dianggap berdosa dan sia-sia mencerminkan pertembungan antara pandangan agama dan pekerjaan tradisional yang dilakukan oleh Pak Yasok. Menantunya menasihati supaya Pak Yasok berhenti kerana percaya bahawa pekerjaan itu salah dari segi agama, khususnya jika melibatkan sesuatu yang berkaitan dengan patung yang dianggap tidak sesuai dalam ajaran Islam.

Pak Yasok menunjukkan keberanian dalaman yang besar dalam menghadapi kritikan ini. Walaupun hatinya terasa terhiiris dan terhina dengan kata-kata menantunya, dia tetap bertahan. Pak Yasok mungkin merasakan bahawa pekerjaan yang dilakukannya mempunyai nilai tersendiri, sama ada dari segi ekonomi atau sebagai sebahagian daripada identiti dirinya. Kebiasaannya, dalam masyarakat tradisional, seseorang yang sudah lama bekerja dalam bidang tertentu akan mempunyai rasa tanggungjawab dan kepuasan terhadap kerja tersebut, meskipun orang lain mungkin memandang rendah atau mengkritik pekerjaan itu. Keberanian Pak Yasok untuk teruskan kerja walaupun ditegur dengan keras oleh menantunya menunjukkan bahawa dia mempunyai prinsip yang teguh. Konflik ini tidak hanya melibatkan soal agama, tetapi juga persoalan harga diri dan nilai hidup yang dipegang oleh Pak Yasok. Perkara ini adalah cerminan bahawa keberanian tidak semestinya terletak pada fizikal semata-mata, tetapi juga pada keupayaan menahan perasaan dan mempertahankan apa yang dia percaya sebagai betul.

Walaupun menantunya menganggap pekerjaan Pak Yasok sia-sia dan berdosa, Pak Yasok mungkin mempunyai pandangan yang berbeza berdasarkan pengalaman dan pengetahuannya dalam bidang kerja tersebut. Pengetahuan yang dimiliki Pak Yasok sebagai seorang yang telah lama terlibat dalam pekerjaannya menunjukkan bahawa dia mempunyai kemahiran khusus dan pengetahuan

mendalam mengenai apa yang dilakukannya. Hal ini boleh merujuk kepada nilai tradisional yang dikaitkan dengan kerja tangan atau seni yang mungkin tidak difahami sepenuhnya oleh generasi muda atau mereka yang melihatnya melalui sudut pandang agama yang sempit.

Ketaatan kepada Undang-Undang dan Peraturan Membentuk Keperibadian Terpuji

Seterusnya, petikan yang menggambarkan sistem komuniti dalam budaya pula dapat dibaca menerusi petikan yang berikut:

“Pak Yasok tetap bayar zakat, ziarah saudara jauh dan dekat, lawat pesakit, orang kampung tak pernah memusuhinya, bahkan bangsal wayang di halaman rumahnya anak-anak muda kampung berkumpul untuk belajar menabuh gendang. Itupun selepas Isyak apabila selesai berjemaah. Jika berlaku kematian, mereka tetap menghormati jenazah dengan tidak bermain gendang.”

(*Antologi Kubentang Sehelai Peta*, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Petikan di atas menggambarkan Pak Yasok seorang yang mempunyai keperibadian mulia yang membayar zakat, ziarah saudara jauh dan dekat serta melawat orang sakit. Immanuel Kant, seorang ahli falsafah Jerman berpendapat bahwa karakter yang mulia ialah cerminan daripada tindakan moral yang didasarkan pada kewajiban. Menurut Kant, Immanuel (2005), seseorang yang memiliki keperibadian mulia akan bertindak berdasarkan imperatif kategoris iaitu melakukan sesuatu kerana itu adalah kewajiban moral, bukan kerana keuntungan peribadi atau emosi. Bagi Kant, karakter mulia adalah seseorang yang bertindak dengan niat baik dan rasa tanggungjawab, iaitu moral universal.

Ketaatan kepada Agama Mempengaruhi Kesihatan Mental

Ketaatan kepada agama sering menjadi sumber kekuatan mental dan emosi, terutama dalam menghadapi cabaran hidup. Hal ini dapat dirujuk dalam petikan berikut:

“Pak Yasok sedih dengan hinaan menantunya walaupun Pak Yasok tetap patuh ajaran Islam bukan seperti orang Jahiliah. Air mata tuanya dikesat dengan kain batik lepas yang kepalanya”

(*Antologi Kubentang Sehelai Peta*, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Dalam konteks ketaatan kepada agama, sarjana Islam sering merujuk kepada konsep yang berkaitan dengan kepatuhan dan pengamalan ajaran agama dalam kehidupan harian individu. Beberapa sudut pandang dari sarjana Melayu-Islam sering dihubungkan dengan aspek ketaatan sebagai tanggungjawab individu muslim. Imam al-Ghazali dan Imam Syafie sering dirujuk dalam karya-karya sarjana Melayu sebagai tokoh-tokoh penting dalam menegaskan kepentingan ketaatan individu kepada syariat Islam. Ketaatan kepada agama adalah sebahagian daripada tanggungjawab peribadi yang tidak hanya melibatkan ibadah khusus seperti solat dan puasa, tetapi juga adab dan akhlak dalam kehidupan seharian. Dalam mengharungi kehidupan seharian seseorang manusia tidak dapat lari daripada perlu berinteraksi dengan pelbagai ragam manusia. Tahap keperluan untuk berinteraksi dan bergaul dengan pihak-pihak yang pelbagai ini juga tidak sama keperluannya antara satu sama lain. Keperluan pergaulan tersebut sama ada seperti makanan asas yang tidak dapat dielakkan, atau ubat yang keperluan terhadapnya hanyalah pada waktu-waktu tertentu sahaja bukan pada setiap masa, atau seperti penyakit yang perlu dielakkan namun kadangkala seseorang tetap diuji, sungguhpun tidak menyukainya. Oleh itu seseorang perlu bijak dalam menguruskan kehidupan termasuk memilih rakan dan teman rapat. Seseorang manusia tidak dapat lari daripada bergaul dan berinteraksi dengan tiga golongan manusia (selain daripada ibu bapa, guru dan murid mereka), iaitu orang yang mereka tidak kenali (majāhīl), sahabat karib (asdiqā’), dan orang dikenali (mac arif) (al-Ghazali 1993).

Petikan di atas menggambarkan Pak Yasok seorang yang mempunyai ketaatan kepada agama mempengaruhi kesihatan mental walaupun terdapat pelbagai masalah dan dugaan. Situasi yang dialami oleh Pak Yasok menggambarkan pergolakan emosi yang kuat akibat pertembungan antara ketaatannya kepada agama dan konflik dengan ahli keluarga, khususnya menantunya. Walaupun Pak Yasok tetap patuh kepada ajaran Islam dan berusaha menjalani hidup dengan cara yang dia yakini betul, kata-kata menantunya yang menghina pekerjaannya telah menyentuh emosi dan harga dirinya. Perasaan sedih yang timbul daripada hinaan ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh kata-kata dalam mempengaruhi kesihatan mental seseorang, terutamanya apabila datang dari individu yang dihormati atau ahli keluarga sendiri. Akhirnya, ketaatan kepada ajaran agama berperanan sebagai terapi mental yang membantu Pak Yasok menghadapi konflik ini dengan kesabaran dan ketenangan.

Ketaatan sebagai Tanggungjawab Individu Muslim

Ketaatan kepada agama bukan sahaja menjadi kewajipan, tetapi juga tanggungjawab individu Muslim dalam menjalani kehidupan. Petikan seterusnya ini menggambarkan konflik dalaman yang dialami oleh Pak Yasok akibat teguran menantunya yang dianggap terlalu alim.

“Sejak peristiwa ustazah menegur Pak Yasok, beliau segan untuk pulang ke kampung walaupun Sauki pulang bersama dengan anak-anak. Pak Yasok merasakan menantunya sudah alim sangat. Hati Pak Yasok berbisik yang Sauki tak patut membiarkan isterinya yang menasihatinya. Patut Sauki yang bercakap tapi tentu tak tergamak menyuarakannya. (Dilema bapa)”

(Antologi Kubentang Sehelai Peta, 2014, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Menurut Shamsul Amri (2001), dalam masyarakat tradisional Melayu, ketaatan anak-anak kepada ibu bapa bukan hanya merupakan nilai budaya, tetapi juga dilihat sebagai satu kewajipan moral dan tanggungjawab sosial. Anak-anak, khususnya anak lelaki, diharapkan menjaga ibu bapa mereka pada usia tua dan membantu dari segi ekonomi serta perawatan fizikal. Namun, seiring dengan perubahan sosial yang disebabkan oleh pendidikan, mobiliti ekonomi, dan pekerjaan di bandar, bentuk ketaatan ini mengalami transformasi.

Peningkatan urbanisasi, pendidikan, dan pekerjaan di luar kawasan desa menyebabkan ketaatan dalam bentuk fizikal (seperti tinggal bersama ibu bapa) mungkin berkurang, tetapi ketaatan dalam bentuk moral dan emosi masih kuat seperti Sauki. Pak Yasok juga merasakan bahawa Sauki, sebagai anak lelaki, mempunyai tanggungjawab untuk menyuarakan teguran, bukan isterinya. Dalam masyarakat Melayu tradisional, seorang anak lelaki sering dianggap sebagai penerus tanggungjawab ayahnya, termasuk dalam soal agama dan adat. Oleh itu, Pak Yasok mungkin merasa bahawa teguran yang disampaikan oleh menantunya itu mengganggu hierarki keluarga dan peranan anak lelaki dalam menegakkan nilai-nilai agama.

Pak Yasok merasakan lebih selesa jika Sauki yang bercakap dengannya, kerana sebagai seorang ayah, dia mungkin melihat interaksi dengan anak lelaki lebih bersesuaian dan menghormati hubungan ayah dan anak. Teguran yang datang dari menantu perempuan mungkin dianggap kurang sopan atau tidak sesuai, kerana Pak Yasok merasakan bahawa Sauki, sebagai anak lelaki, patut bertanggungjawab untuk menyampaikan nasihat agama jika diperlukan.

KESIMPULAN

Melalui cerpen *Air Mata Dalang*, kita dapat melihat betapa pentingnya peranan budaya dalam membentuk identiti dan nilai masyarakat Melayu. Cerpen ini tidak hanya menggarap elemen kesenian seperti Wayang Kulit tetapi juga mencerminkan nilai-nilai kekeluargaan, keberanian moral dan ketaatan agama yang mendalam. Pendekatan menggunakan Teori Budaya C. Kluckhohn (1962) membantu untuk memahami bagaimana unsur-unsur seperti sistem kepercayaan, bahasa, dan teknologi tradisional

memainkan peranan penting dalam mencorakkan watak-watak dan naratif dalam cerpen ini. Di samping itu, hubungan antara watak juga mencerminkan ketegangan antara tradisi dan kemodenan, serta antara pandangan agama dan nilai-nilai budaya. Menerusi kajian ini, didapati bahawa cerpen-cerpen Melayu berperanan bukan hanya sebagai medium hiburan tetapi juga sebagai alat untuk memelihara dan menyebarkan nilai-nilai budaya yang penting kepada generasi masa kini dan akan datang.

RUJUKAN

- Abdullah, N. (2015). *Nilai budaya dalam kesusasteraan Melayu: Analisis dan pemaknaannya*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amat, A., Sulaiman, N., Bedu Asis, A. H., & Salleh, N. (2024). Pemupukan Nilai Budaya Bugis dalam kalangan Guru Bugis Membentuk Nilai Murni dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Rintis. *PENDETA*, 15(1), 27–38. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol15.1.3.2024>
- Arifin, F. (2017). Learning Islam from the performance of wayang kulit (shadow puppets). *Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada masyarakat (LP2M)*, 14(1), 99-115. <https://doi.org/10.24239/jsi.v14i1.457.99-115>
- Al-Ghazali, A. H. M. b. M. (1993). *Bidayah al-Hidayah*. Al-Qaherah: Maktabah Madbuli. *Antologi teks kesusasteraan melayu moden tingkatan 4 dan 5: kubentang sehelai peta*. (2014). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cohen, M. I. (2016). Global modernities and post-traditional shadow puppetry in contemporary southeast asia. *Routledge*, 30(3-4), 188-206. <https://doi.org/10.1080/09528822.2017.1305728>
- Davies, T. (2022). “But we’re not a multicultural school!”: Locating intercultural relations and reimagining intercultural education as an act of “coming-to-terms-with our routes”. *Springer Nature*, 50(3), 991-1005. <https://doi.org/10.1007/s13384-022-00537-0>
- Huang, T., & Anderson, E. C. (2019). Designing for revitalization of communities through new business models for traditional arts and crafts. *Scientific Research Publishing*, 7(4), 225-236. <https://doi.org/10.4236/adr.2019.74018>
- Ismail, H. (2018). *Cerpen Melayu dan dinamika sosial: Modernitas dalam perspektif budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kant, I. (2005). *Kritik atas akal budi praktis*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Kroeber, A. L., & Kluckhohn, C. (1962). The concept of culture. *Journal of Visual Impairment & Blindness*. <https://doi.org/10.1177/0145482X5905300404>
- Peter langan, M., & Sarudin, A. (2023). Analisis kognitif etnik iban dalam leka main bersandarkan teori genus dan spesies. *PENDETA*, 14(2), 97–108. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.2.8.2023>
- Prasetyo, W. (2012, August 31). *Perception of post graduate accounting students on Semar spiritual philosophy in building accounting knowledge*. Brawijaya University. <https://doi.org/10.18202/jamal.2012.08.7157>
- Razak, A. (2020). *Kritik sosial dalam kesusasteraan melayu kontemporer: Kajian terhadap nilai tradisional dan modernitas*. Penerbit Universiti Malaya.

- Rogoff, B., Baker-Sennett, J., Lacasa, P., & Goldsmith, D. (1995, January 1). Development through participation in sociocultural activity. *Wiley*, 1995(67), 45–65. <https://doi.org/10.1002/cd.23219956707>
- Santano, D., & Mustaffa, F. (2016, October 1). *Re-imagining folklore stories in illustrated animatic*. <https://doi.org/10.1109/vsmm.2016.7863212>
- Shamsul Amri Baharuddin. (2001). *Identiti dan moderniti: Cabaran masyarakat Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sulanjari, B., Jazuli, M., Rohidi, T. R., & Cahyono, A. (2022, January 1). *Children's puppeteers' festival: Between conservation and art education*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.211125.057>